JUZU' KE-30

SURAH AL-INFITAR

SURAH KE **82**

سُورَةُ الانفِطَار

SURAH AL-INFITAR

Surah Langit Terbelah

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT **19**

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

إِذَا ٱلسَّمَآءُ ٱنفَطَرَتۡ ﴿١﴾

وَإِذَا ٱلۡكَوَاكِبُ ٱنتَثَرَتۡ ﴿٢﴾

وَإِذَا ٱلۡبِحَارُ فُجِّرَتۡ ﴿٣﴾

وَإِذَا ٱلۡقُبُورُ بُعۡثِرَتۡ ﴿٤﴾

عَلِمَتۡ نَفۡسٞ مَّا قَدَّمَتۡ وَأَخَّرَتۡ ﴿٥﴾

يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡإِنسَٰنُ مَا غَرَّكَ بِرَبِّكَ ٱلۡكَرِيمِ ﴿٦﴾

ٱلَّذِي خَلَقَكَ فَسَوَّىٰكَ فَعَدَلَكَ ﴿٧﴾

فِيٓ أَيِّ صُورَةٖ مَّا شَآءَ رَكَّبَكَ ﴿٨﴾

كَلَّا بَلۡ تُكَذِّبُونَ بِٱلدِّينِ ﴿٩﴾

وَإِنَّ عَلَيۡكُمۡ لَحَٰفِظِينَ ﴿١٠﴾

"Apabila langit terbelah(1). Dan apabila bintang gugur bertaburan(2). Dan apabila lautan-lautan telah dipecahkan(3). Dan apabila kubur-kubur telah dibongkarkan(4). Nescaya sedarlah seorang itu segala apa yang telah dilakukannya dahulu dan segala apa yang telah dilakukannya kemudian(5). Wahai insan! Apakah yang menyebabkan engkau terpedaya (mencuaikan kewajipan) terhadap Tuhanmu Yang Maha Pemurah?(6). Yang telah menciptakanmu, menyempurnakan kejadianmu dan mengimbangkan (segala bahagian) dirimu(7). Sedangkan Dia berkuasa membentuk rupamu dengan apa sahaja bentuk yang dikehendaki-Nya(8). Tidak sekali-kali begitu, malah kamu mendustakan Hari Balasan(9). Dan sesungguhnya kamu diawasi para malaikat (segala tindak-tanduk kamu)."(10).

كِرَامٗا كَٰتِبِينَ ﴿١١﴾

يَعۡلَمُونَ مَا تَفۡعَلُونَ ﴿١٢﴾ إِنَّ ٱلۡأَبۡرَارَ لَفِي نَعِيمٖ ﴿١٣﴾

وَإِنَّ ٱلۡفُجَّارَ لَفِي جَحِيمٖ ﴿١٤﴾

يَصۡلَوۡنَهَا يَوۡمَ ٱلدِّينِ ﴿١٥﴾ وَمَا هُمۡ عَنۡهَا بِغَآئِبِينَ ﴿١٦﴾

وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا يَوۡمُ ٱلدِّينِ ﴿١٧﴾

ثُمَّ مَآ أَدۡرَىٰكَ مَا يَوۡمُ ٱلدِّينِ ﴿١٨﴾

يَوۡمَ لَا تَمۡلِكُ نَفۡسٞ لِّنَفۡسٖ شَيۡـٔٗاۖ وَٱلۡأَمۡرُ يَوۡمَئِذٖ لِّلَّهِ ﴿١٩﴾

"Yang mulia yang bertugas sebagai penulis-penulis (amalan kamu)(11). Mereka mengetahui segala apa yang kamu lakukan(12). Sesungguhnya orang-orang yang ta'at itu ditempatkan dalam Syurga yang penuh ni'mat(13). Dan sesungguhnya orang-orang yang menderhaka itu ditempatkan di dalam Neraka yang bernyala-nyala(14). Mereka akan memasukinya pada Hari Balasan(15). Dan mereka tidak akan dapat keluar darinya(16). Tahukah engkau apakah Hari Balasan itu?(17). Kemudian (sekali lagi) tahukah engkau apakah Hari Balasan itu?(18). Pada hari itu, tiada seorang pun yang berkuasa memberi sesuatu pertolongan kepada orang lain. Segala urusan pada hari itu terserah kepada Allah."(19).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah yang pendek ini memperkatakan revolusi alam yang dibicarakan oleh Surah at-Takwir, tetapi ia membawa gambaran dan sifat-sifat khusus yang lain. Ia membicarakan bidang-bidang tertentu dan membawa hati manusia menjelajahi bidang-bidang itu. Ia membuat sentuhan dan singgungan dari jenis yang baru, tenang dan mendalam, iaitu sentuhan-sentuhan yang seakan-akan kecaman tetapi mengandungi ancaman.

Oleh sebab itu ia menayangkan pandangan-pandangan revolusi dengan ringkas sahaja, tidak seperti tayangan dalam Surah at-Takwir, kerana suasana kecamannya lebih tenang dan lebih perlahan, dan irama senikata surah ini juga tenang, dan dengan ini tercapailah keseimbangan dan keserasian yang sempurna dalam syakhsiyah surah ini.

Dalam bahagian yang pertama, surah ini menceritakan tentang langit terbelah, bintang-bintang tergugur, lautan-lautan terpecah dan kubur-kubur terbongkar. Peristiwa-peristiwa inilah yang membuat setiap orang, pada hari yang dahysat itu, sedar apa yang telah dibuat dahulu dan apa yang telah dibuat kemudiannya.

Dalam bahagian yang kedua, ia mulakan dengan kecaman yang mengandungi ancaman terhadap manusia yang tahu menerima ni'mat-ni'mat Allah yang melimpah-ruah, tetapi tidak tahu kewajipan membalas ni'mat-ni'mat itu, tidak menghormati Tuhannya dan tidak bersyukur di atas limpah kurnia, ni'mat dan penghormatan yang diberikan Allah.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡإِنسَٰنُ مَا غَرَّكَ بِرَبِّكَ ٱلۡكَرِيمِ ﴿٦﴾

ٱلَّذِي خَلَقَكَ فَسَوَّىٰكَ فَعَدَلَكَ ﴿٧﴾

فِيٓ أَيِّ صُورَةٖ مَّا شَآءَ رَكَّبَكَ ﴿٨﴾

"Wahai insan! Apakah yang menyebabkan engkau terpedaya (mencuaikan kewajipan) terhadap Tuhanmu Yang Maha Pemurah?(6). Yang telah menciptakanmu, menyempurnakan kejadianmu dan mengimbangkan (segala bahagian) dirimu(7). Sedangkan Dia berkuasa membentuk rupamu dengan apa sahaja bentuk yang dikehendaki-Nya."(8)

Dalam bahagian yang ketiga, ia menjelaskan sebab keingkaran dan kekufuran mereka. Sebabnya ialah kerana mereka tidak percaya kepada Balasan dan Hisab. Inilah sebab yang menjadi punca segala kejahatan dan kekufuran mereka. Kerana itulah ia menekan kuat persoalan Hisab, akibatnya dan Balasannya yang pasti.

كَلَّا بَلۡ تُكَذِّبُونَ بِٱلدِّينِ ﴿٩﴾

وَإِنَّ عَلَيۡكُمۡ لَحَٰفِظِينَ ﴿١٠﴾ كِرَامٗا كَٰتِبِينَ ﴿١١﴾

يَعۡلَمُونَ مَا تَفۡعَلُونَ ﴿١٢﴾ إِنَّ ٱلۡأَبۡرَارَ لَفِي نَعِيمٖ ﴿١٣﴾

"Tidak sekali-kali begitu, malah kamu mendustakan Hari Balasan(9). Dan sesungguhnya kamu diawasi para malaikat (segala tindak-tanduk kamu)(10). Yang mulia yang bertugas sebagai penulis-penulis (amalan kamu)(11). Mereka mengetahui segala apa yang kamu lakukan(12). Sesungguhnya orang-orang yang ta'at itu ditempatkan dalam Syurga yang penuh ni'mat."(13)

وَإِنَّ ٱلۡفُجَّارَ لَفِي جَحِيمٖ ﴿١٤﴾

يَصۡلَوۡنَهَا يَوۡمَ ٱلدِّينِ ﴿١٥﴾ وَمَا هُمۡ عَنۡهَا بِغَآئِبِينَ ﴿١٦﴾

"Dan sesungguhnya orang-orang yang menderhaka itu ditempatkan di dalam Neraka yang bernyala-nyala(14). Mereka akan memasukinya pada Hari Balasan(15). Dan mereka tidak akan dapat keluar darinya."(16)

Dalam bahagian akhir, ia menggambarkan kehebatan dan kedahsyatan Hari Hisab dan menanggalkan segala daya kekuatan dari sekalian manusia, kerana pada hari itu hanya Allah sahaja yang berkuasa:

وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا يَوۡمُ ٱلدِّينِ ﴿١٧﴾

ثُمَّ مَآ أَدۡرَىٰكَ مَا يَوۡمُ ٱلدِّينِ ﴿١٨﴾

يَوۡمَ لَا تَمۡلِكُ نَفۡسٞ لِّنَفۡسٖ شَيۡـٔٗاۖ وَٱلۡأَمۡرُ يَوۡمَئِذٖ لِّلَّهِ ﴿١٩﴾

"Tahukah engkau apakah Hari Balasan itu?(17). Kemudian (sekali lagi) tahukah engkau apakah Hari Balasan itu?(18). Pada hari hu, tiada seorang pun yang berkuasa memberi sesuatu pertolongan kepada orang lain. Segala urusan pada hari itu terserah kepada Allah."(19)

Surah ini pada keseluruhannya merupakan satu babak dalam rangkaian nada-nada pernyataan dan ketukan-ketukan penyedaran yang dikendalikan oleh juzu' ini dengan berbagai-bagai gaya dan cara.

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

Langit Terbelah Pada Hari Qiamat

إِذَا ٱلسَّمَآءُ ٱنفَطَرَتۡ ﴿١﴾

وَإِذَا ٱلۡكَوَاكِبُ ٱنتَثَرَتۡ ﴿٢﴾

وَإِذَا ٱلۡبِحَارُ فُجِّرَتۡ ﴿٣﴾

وَإِذَا ٱلۡقُبُورُ بُعۡثِرَتۡ ﴿٤﴾

عَلِمَتۡ نَفۡسٞ مَّا قَدَّمَتۡ وَأَخَّرَتۡ ﴿٥﴾

"Apabila langit terbelah(1). Dan apabila bintang gugur bertaburan(2). Dan apabila lautan-lautan telah dipecahkan(3). Dan apabila kubur-kubur telah dibongkarkan(4). Nescaya sedarlah seorang itu segala apa yang telah dilakukannya dahulu dan segala apa yang telah dilakukannya kemudian."(5)

Dalam surah yang lepas, kami telah terangkan tentang saranan yang meresap di dalam hati ketika melihat alam ini diubah oleh tangan qudrat dan digoncangkan oleh revolusi yang mengerikan hingga tiada satu pun yang terselamat di alam yang besar ini. Di sana kami telah tegaskan bahawa saranan ini menjurus ke arah membuat setiap orang merasa terhapusnya segala sesuatu yang disenangi dan diharapkannya di alam ini kecuali Allah S.W.T. Pencipta sahaja yang kekal selepas musnahnya segala yang kukuh itu. Saranan ini telah membawa hati manusia kepada hakikat tunggal yang kekal, tidak berubah, supaya mereka mendapat ketenteraman dalam menghadapi perubahan, kekacauan,

goncangan dan keruntuhan alam yang selama ini kelihatan tetap, aman dan teratur seolah-olah akan terus begitu, sedangkan yang kekal hanya Allah Pencipta yang disembah sahaja:

إِذَا ٱلسَّمَآءُ ٱنفَطَرَتْ ﴿١﴾

"Apabila langit terbelah."(1)

Antara gejala kemusnahan yang disebut di dalam surah ini ialah keterbelahan langit, dan gejala ini telah disebut di dalam beberapa ayat yang lain. Firman-Nya di dalam Surah ar-Rahman:

فَإِذَا ٱنشَقَّتِ ٱلسَّمَآءُ فَكَانَتْ وَرْدَةً كَٱلدِّهَانِ ﴿٣٧﴾

"Apabila langit terbelah ia kelihatan merah laksana bunga mawar dan berkilat laksana minyak."

(Surah ar-Rahman : 37)

Firman-Nya lagi di dalam Surah al-Haqqah:

وَٱنشَقَّتِ ٱلسَّمَآءُ فَهِىَ يَوْمَئِذٍ وَاهِيَةٌ ﴿١٦﴾

"Dan terbelahlah langit kerana pada hari itu ia amat lemah."

(Surah al-Haqqah : 16)

Firman-Nya di dalam Surah al-Insyiqaq:

إِذَا ٱلسَّمَآءُ ٱنشَقَّتْ ﴿١﴾

"Apabila langit pecah terbelah."

(Surah al-Insyiqaq : 1)

Gejala keterbelahan langit merupakan salah satu dari hakikat-hakikat yang berlaku pada Hari Qiamat yang dahsyat itu, tetapi yang sukarnya ialah untuk menentukan maksud dari keterbelahan langit itu secara tepat. Begitu juga sukar untuk menentukan bagaimana caranya keterbelahan itu berlaku. Apa yang tergambar dalam tanggapan kita ialah pemandangan perubahan yang dahsyat pada keadaan alam yang dilihat sekarang, dan berakhirnya segala peraturan dan undang-undang alam yang berlangsung selama ini, juga terhurainya segala ikatan peraturan yang mengikatkan perjalanan bintang-bintang yang halus ini.

"Dan apabila bintang gugur bertaburan."(2)

Keguguran Bintang-bintang

Turut sama dalam pemandangan itu ialah keguguran bintang-bintang yang selama ini berada dalam hubungan yang utuh dan padu, dan beredar begitu laju dalam lingkungan peredaran masing-masing. Ia beredar begitu tetap dan teratur tanpa menyeleweng dari jalan peredarannya. Ia tidak pernah beredar dan mengembara liar di angkasa raya yang tidak terhingga batasnya itu. Andainya bintang-bintang itu gugur dan terlepas dari ikatan peraturan yang selama ini mengikat dan memelihara perjalanannya, sebagaimana yang akan berlaku pada Hari Qiamat yang menamatkan ajalnya, maka ia akan hancurlebur di angkasa raya sebagaimana hancurnya atom yang terlepas dari ikatannya.

وَإِذَا ٱلْبِحَارُ فُجِّرَتْ ﴿٣﴾

"Dan apabila lautan-lautan telah dipecahkan."(3)

Lautan-lautan Pecah Atau Meledak Seperti Bom

Yang dimaksudkan dengan pemecahan atau pembedahan lautan-lautan itu ialah mungkin lautan-lautan itu membanjir hingga menenggelami segala daratan dan sungai-sungai, dan mungkin pula maksudnya ialah pemecahan air lautan kepada unsur-unsur oksigen dan hidrogen sebagaimana keadaan asalnya sebelum kedua-dua unsur itu bertemu dan dicantumkan Allah untuk membentuk lautan itu. Seterusnya mungkin juga maksudnya ialah ledakan gas oksigen dan hidrogen sebagaimana yang berlaku dalam letupan bom-bom atom atau hidrogen hari ini. Letupan itu begitu dahsyat hingga bom yang ada pada hari ini dapat dianggap hanya bom-bom mainan kanak-kanak sahaja, atau mungkin pula letupan itu berlaku dengan cara-cara yang lain yang belum pernah diketahui manusia. Itulah letupan yang maha dahsyat yang belum pernah dialami saraf-saraf manusia.

وَإِذَا ٱلْقُبُورُ بُعْثِرَتْ ﴿٤﴾

"Dan apabila kubur-kubur telah dibongkarkan."(4)

Kubur-kubur Terbongkar

Gejala keterbongkaran kubur-kubur itu mungkin berlaku akibat peristiwa-peristiwa yang lepas atau merupakan satu kejadian yang tersendiri yang akan berlaku pada Hari Qiamat yang panjang, yang penuh dengan berbagai-bagai pemandangan dan kejadian. Pada hari itu, jasad-jasad yang dibangkit dan diciptakan semula oleh Allah akan keluar dari kubur untuk menghadapi Hisab dan menerima balasan masing-masing.

Ini selaras dengan firman-Nya yang berikut selepas menayangkan pemandangan-pemandangan dan kejadian-kejadian itu:

عَلِمَتْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ وَأَخَّرَتْ ﴿٥﴾

"Nescaya sedarlah seorang itu segala apa yang telah dilakukannya dahulu dan segala apa yang telah dilakukannya kemudian."(5)

Qiamat Menginsafkan Manusia

Maksudnya, ia mengetahui segala apa yang telah dilakukannya dahulu dan kemudian, atau segala apa yang telah dilakukannya di dunia dari segala apa yang telah ditinggalkannya di belakangnya dari kesan-kesan perbuatannya, atau segala apa yang telah dini'matinya di dunia dan segala apa yang disediakannya untuk Hari Akhirat. Biar bagaimanapun, namun tujuannya ialah kesedaran

manusia terhadap amalan-amalannya itu adalah seiringan dengan berlakunya kejadian-kejadian malapetaka yang besar itu, dan kesedaran itu amat menakutkannya sama seperti takutnya mereka kepada malapetaka-malapetaka itu sendiri.

Pengungkapan Al-Qur'an yang unik itu menerangkan:

عَلِمَتْ نَفْسٌ

"Nescaya sedarlah seorang itu."(5)

Ungkapan ini dari segi makna memberi erti "setiap orang", tetapi pengungkapan Al-Qur'an lebih cantik dan lebih menarik. Begitu juga maksud kesedaran di sini tidaklah terbatas setakat mengetahui dan menyedari apa yang telah dilakukannya dahulu dan apa yang telah dilakukannya kemudian, kerana "kesedaran" dengan pengertian ini memberi kesan yang hebat, sama hebat dengan kesan pemandangan revolusi alam. Pengungkapan Al-Qur'an memberi bayangan ini tanpa menyebutkannya, dan ini menjadikannya lebih cantik dan lebih berkesan.

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 8)

Mengapa Insan Sanggup Mencuaikan Kewajipan Terhadap Allah

Selepas kata-kata pembukaan yang menggerak dan menyedarkan pancaindera dan perasaan, membangkitkan minda dan hati nurani, Al-Qur'an berpaling pula kepada realiti hidup manusia sekarang yang lalai, lengah dan cuai. Di sini ia mencubitkan hati mereka dengan kecaman yang lembut, tetapi mengandungi ancaman yang halus dan peringatan yang wajar supaya manusia mengenangkan ni'mat Allah yang pertama terhadap dirinya iaitu ni'mat ia diciptakan Allah dengan rupa bentuk yang sempurna, sedangkan Allah berkuasa menciptakannya dengan rupa bentuk apa sahaja yang dikehendaki-Nya, tetapi Allah memilih untuk menciptakannya dengan rupa yang sempurna, sederhana dan cantik, namun begitu, manusia masih tidak bersyukur dan tidak menghargainya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْإِنسَٰنُ مَا غَرَّكَ بِرَبِّكَ ٱلْكَرِيمِ ﴿٦﴾ ٱلَّذِى خَلَقَكَ فَسَوَّىٰكَ فَعَدَلَكَ ﴿٧﴾ فِىٓ أَىِّ صُورَةٍ مَّا شَآءَ رَكَّبَكَ ﴿٨﴾

"Wahai insan! Apakah yang menyebabkan engkau terpedaya (mencuaikan kewajipan) terhadap Tuhanmu Yang Maha Pemurah?(6). Yang telah menciptakanmu, menyempurnakan kejadianmu dan mengimbangkan (segala bahagian) dirimu(7). Sedangkan Dia berkuasa membentuk rupamu dengan apa sahaja bentuk yang dikehendaki-Nya."(8)

Dengan kata-kata **"Wahai insan!"**, Allah menyeru manusia dengan sifat-Nya yang paling mulia iaitu sifat insaniyahnya yang membezakannya dari seluruh makhluk hidup yang lain, iaitu sifat yang mengangkatkan manusia ke martabat yang paling tinggi dan memperlihatkan betapa besarnya penghormatan dan limpah kemurahan Allah ke atasnya.

Kemudian Al-Qur'an iringi dengan kecaman yang cantik dan hebat:

"Apakah yang menyebabkan engkau terpedaya (mencuaikan kewajipan) terhadap Tuhanmu Yang Maha Pemurah?"(6)

Mengapa Insan Sanggup Mencuaikan Kewajipannya Terhadap Allah

Yakni wahai manusia yang telah dikurniakan Allah - Penaung dan Pemeliharanya - dengan sifat insaniyahmu yang mulia dan luhur! Apakah yang menyebabkan engkau terpedaya mencuaikan kewajipanmu terhadap Tuhanmu sehingga engkau sanggup mencuaikan hak-hak-Nya, meringan-ringan perintah-Nya dan berkelakuan biadab terhadap-Nya, sedangkan Allah Tuhanmu Yang Maha Pemurah telah memberi selimpah-limpah kurnia kepadamu? Di antaranya yang paling besar ialah sifat insaniyahmu yang membezakanmu dari seluruh makhluk-Nya dan menjadikanmu dapat berfikir dan memahami apa yang patut dan apa yang tidak patut dilakukanmu terhadap Tuhanmu.

Kemudian Al-Qur'an menghuraikan sebahagian kecil dari limpah kurnia Ilahi yang disarankan secara umum dalam seruannya yang memberi ilham dan pengertian yang mendalam, iaitu seruan yang mengandungi berbagai-bagai isyarat yang tersembunyi. Ia menjelaskan sebahagian dari limpah pemberian Allah yang banyak kepada manusia yang dapat dilihat pada sifat insaniyahnya yang dijadikan objek seruannya di permulaan ayat. Dalam penjelasan itu, Allah menunjukkan ni'mat-Nya yang telah menciptakan manusia dengan rupa bentuk yang sempurna, sedangkan Allah berkuasa untuk menciptakannya dengan apa sahaja rupa bentuk yang dikehendaki-Nya. Pilihan Allah untuk menciptakan manusia sedemikian rupa adalah lahir dari limpah ihsan-Nya semata-mata ke atas manusia yang tidak tahu bersyukur dan menghargai Allah, malah selalu terpedaya dan cuai.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْإِنسَٰنُ مَا غَرَّكَ بِرَبِّكَ ٱلْكَرِيمِ ﴿٦﴾ ٱلَّذِى خَلَقَكَ فَسَوَّىٰكَ فَعَدَلَكَ ﴿٧﴾

"Wahai insan! Apakah yang menyebabkan engkau terpedaya (mencuaikan kewajipan) terhadap Tuhanmu Yang Maha Pemurah?(6). Yang telah menciptakanmu, menyempurnakan kejadianmu dan mengimbangkan (segala bahagian) dirimu."(7)

Seruan ini menggegarkan setiap zarrah entiti manusia apabila sifat insaniyahnya sedar dan apabila seruan itu benar-benar menjejak ke lubuk hatinya ketika dikecam Tuhannya sedemikian hebat dan ketika ia diperingatkan supaya mengenali limpah

kurnia Tuhannya, sedangkan dia lalai, cuai dan biadab terhadap hak Allah yang telah menciptakannya dengan sebaik-baik ciptaan.

Penciptaan manusia yang sedemikian sempurna dan cantik merupakan satu perkara yang patut difikir panjang-panjang dan wajar disyukuri sedalam-dalamnya dan ditunjukkan adab yang sopan dan kasih mesra terhadap Allah yang telah mengurniakan ni'mat-ni'mat itu, sedangkan Ia memang berkuasa andainya Ia mahu ciptakan manusia dengan rupa bentuk yang lain. Namun demikian, Ia memilih ciptaan manusia dengan rupa bentuk yang sempurna dan cantik ini.

Ciri-ciri Yang Menakjubkan Dalam Penciptaan Manusia

Manusia adalah satu makhluk yang cantik susunan tubuh badannya, sempurna kejadiannya dan sederhana rupa bentuknya. Keanehan penciptaan pada manusia adalah lebih besar dari apa yang difikirkan olehnya, dan lebih ajaib dari segala kejadian yang dilihat di sekelilingnya.

Kecantikan, kesempurnaan dan kesederhanaan kelihatan jelas pada kejadian tubuh badan manusia, kejadian 'aqalnya dan kejadian rohnya. Semua susunan entitinya seimbang dan lengkap.

Di sana terdapat berbagai-bagai karangan yang menghuraikan kesempurnaan, kehalusan dan kerapian susunan kejadian anggota manusia. Kita tidak mempunyai ruang yang cukup untuk membentangkan keanehan kejadian-kejadian ini, tetapi cukuplah kita kemukakan sebahagiannya sahaja.

Sistem-sistem umum bagi struktur tubuh badan manusia, iaitu sistem tulang temalang, sistem otot, sistem kulit, sistem pencernaan makanan, sistem peredaran darah, sistem pernafasan, sistem jantina, sistem limpa, sistem saraf, sistem kencing, sistem-sistem rasa, cium, dengar, pandang dan sebagainya, semuanya masing-masing merupakan satu kejadian ajaib yang tidak boleh dibandingkan dengan alat-alat jentera rekaan yang menakjubkan manusia. Sebenarnya manusia lupa bahawa keajaiban kejadian dirinya sendiri adalah lebih besar dan lebih mendalam dan tiada tolok bandingnya.

Tangan Yang Serba Boleh

"Kata Majalah Sains British: Tangan manusia merupakan kejadian ajaib yang ulung dan tersendiri di antara kejadian-kejadian ajaib yang lain. Amatlah sukar, malah mustahil untuk direkakan sebuah alat yang dapat menyamai tangan manusia dari segi mudah, serba boleh dan dapat menyesuaikan diri. Apabila anda hendak membaca buku, tangan anda akan mengambilnya dan meletakkannya pada kedudukan yang sesuai untuk membolehkan anda membacanya. Tangan andalah yang membetulkan kedudukan itu secara otomatik. Apabila anda mahu membalikkan lembaran buku itu, anda akan meletakkan jari di bawah kertas itu dan menekankannya sekadar yang dapat membalikkannya, kemudian tekanan itu hilang apabila kertas itu terbalik. Tangan memegang pena dan menulis dengannya. Tangan menggunakan segala macam alat yang diperlukan manusia dari sudu, pisau dan mesen taip. Ia membuka dan menutup jendela dan membawa apa sahaja yang dikehendaki manusia. Dua belah tangan itu mengandungi dua puluh tujuh tulang dan masing-masing mempunyai sembilan belas kumpulan otot.[1]

Telinga Yang Mendengar Bunyi

"Sebahagian dari telinga manusia iaitu (telinga tengah) merupakan rangkaian lengkungan yang terdiri dari kira-kira empat ribu lengkungan yang seni, rumit dan tersusun rapi dari segi kecil besar dan bentuk rupanya. Rangkaian lengkungan ini boleh dikatakan menyerupai satu alat muzik. Ia nampaknya disediakan untuk menangkap dan memindah ke otak apa sahaja bunyi dan dentuman, mulai dari bunyi guruh kepada bunyi desiran daun-daun kayu, lebih-lebih lagi paduan bunyi yang indah dari berbagai-bagai nada alat muzik dari sebuah orkestra dengan unit-unitnya yang harmonis.".[2]

Mata Yang Menangkap Cahaya

"Pusat deria lihat di dalam mata mengandungi seratus tiga puluh juta penerima cahaya dalam bentuk hujung-hujung saraf yang dilindungi oleh pelupuk mata yang mempunyai bulu-bulu yang melindungi mata siang dan malam. Gerakan pelupuk mata merupakan gerakan pantulan yang bergerak secara otomatik. Ia menahan debu-debu, habuk-habuk dan benda-benda asing dari masuk ke dalam mata. Di samping itu pelupuk mata juga mengurangkan ketajaman tikaman cahaya matahari masuk ke dalam mata dengan sebab adanya bulu-bulu mata yang memberi bayangan teduh kepadanya. Selain dari memelihara dan menjaga, ia juga bertindak mencegahkan kekeringan mata. Cecair yang ada di sekeliling mata yang dikenali dengan nama air mata merupakan pencuci yang paling kuat."[3]

Lidah Merasa Makanan

"Sistem rasa pada manusia ialah lidah. Kegiatan sistem ini bergantung kepada kumpulan-kumpulan sel perasa yang terdapat pada puting-puting selaput lidah yang berlendir. Puting-puting itu mempunyai berbagai-bagai rupa bentuk. Di antaranya bentuk benang, cendawan dan adas. Makanan puting-puting ini dibekalkan oleh cabang-cabang saraf lidah di bahagian kerongkong, juga oleh cabang-cabang saraf perasa. Sewaktu makan, saraf-saraf perasa itulah yang menangkap kesan-

---

1 *Dari buku* الله والعلم الحديث, *Abdur-Razzaq Naufal.*

2 *Dari buku* العلم يدعو إلى الإيمان.

3 *Dari buku* الله والعلم الحديث.

kesan makanan itu dan menghantarkannya ke otak. Sistem ini terdapat pula pada awal-awal bahagian mulut lagi untuk membolehkannya meluah apa sahaja benda yang mendatangkan mudarat kepadanya. Dengan sistem inilah seseorang dapat merasakan kecapan pahit, masin, sejuk, panas, masam, masin, pedas dan sebagainya.

Saraf Yang Memindahkan Perasaan Ke Otak

"Lidah mengandungi sembilan ribu bonjol perasa yang seni. Setiap bonjol dihubungkan dengan otak oleh lebih dari satu saraf. Hitunglah berapa banyak bilangan saraf itu? Berapa besar ukurannya? Dan bagaimana ia bekerja secara sendirian dan secara berkelompok membawa rasa itu kepada otak?

"Sistem saraf yang menguasai tubuh badan sepenuhnya adalah terdiri dari rerambut-rerambut yang seni yang menjalar di seluruh anggota tubuh badan manusia dan berhubung dengan rerambut-rerambut yang lebih besar darinya yang bertugas sebagai pusat-pusat saraf. Apabila mana-mana bahagian anggota tubuh badan manusia mendapat apa-apa kesan walaupun kesan dari sedikit perubahan suhu udara sekeliling, maka rerambut-rerambut saraf yang seni itu akan memindahkan perasaan itu kepada pusat-pusat saraf yang berselerak di dalam tubuh badan manusia dan pusat-pusat saraf ini pula akan menghantarkan perasaan itu kepada otak untuk membolehkannya bertindak. Kecepatan perjalanan isyarat-isyarat dan peringatan-peringatan melalui saraf-saraf itu mencapai seratus meter sedetik."[4]

Pencernaan Makanan

"Andainya kita memandang pencernaan makanan itu sebagai proses dalam makmal kimia, dan makanan yang kita makan itu sebagai bahan-bahan yang belum diproses, maka dengan segera kita dapat memahami bahawa pencernaan makanan itu merupakan satu proses yang amat aneh, kerana ia dapat mencernakan hampir-hampir segala sesuatu yang dapat dimakan kecuali maidah itu sendiri.

"Mula-mula kita letakkan di dalam makmal ini berbagai-bagai jenis makanan selaku bahan yang belum diproseskan tanpa mempedulikan makmal itu sendiri atau tanpa memikirkan bagaimana cara ia mencernakan makanan itu secara kimia. Kita makan daging, lobak, gandum dan ikan goreng kemudian kita tolakkannya dengan air....

"Di antara makanan-makanan yang bercampuraduk ini, maidah akan bekerja memilih segala sesuatu yang berguna melalui proses menghancurkan segala jenis makanan kepada bahagian-bahagian kimianya tanpa mempedulikan hampas-hampasnya. Kemudian makanan-makanan yang ditinggalkan itu diproses menjadi protein-protein baru untuk menjadi makanan berbagai-bagai sel. Alat-alat pencernaan itu memilih zat kapur, belerang (sulfur), iodin, besi dan lain-lain zat yang perlu. Ia menjaga supaya bahagian-bahagian makanan yang penting itu tidak hilang, supaya hormon-hormon dapat dikeluarkan dan supaya semua keperluan asasi itu dapat disediakan dengan jumlah kuantiti yang teratur sebagai persediaan untuk menghadapi segala keadaan darurat. Ia juga menyimpan bahan lemak dan bahan-bahan simpanan yang lain untuk menghadapi keadaan-keadaan yang mendadak seperti kelaparan. Alat-alat pencernaan itu melakukan semua kerja-kerja ini tanpa menghiraukan fikiran manusia. Kita curahkan segala macam bahan makanan yang tidak terhitung itu di dalam makmal kimia ini tanpa menghiraukan sama sekali apa yang dimakan oleh kita, malah kita menganggapnya sebagai proses otomatik untuk memelihara kita supaya hidup. Apabila makanan-makanan itu hancur dan diproseskan kembali, maka ia dibekalkan secara berterusan kepada setiap sel dari berbilion-bilion sel yang mencapai jumlah bilangan yang lebih dari jumlah bilangan seluruh umat manusia di bumi ini. Pembekalan kepada setiap sel itu pastilah berterusan dan ia tidak dibekalkan melainkan dengan bahan-bahan yang diperlukan oleh sel-sel itu untuk diproseskannya menjadi tulang, kuku, daging, rambut, dua mata, gigi dan sebagainya.

"Inilah satu makmal kimia yang menghasilkan bahan-bahan yang lebih banyak dari mana-mana makmal yang pernah direkakan oleh 'aqal manusia. Inilah satu sistem pembekalan yang lebih besar dari mana-mana sistem pengangkutan atau pengagihan yang diketahui dunia. Semua urusan ini dilakukan dengan peraturan yang amat sempurna."[5]

Setiap sistem dari sistem-sistem manusia yang lain telah dihuraikan dengan panjang lebar, tetapi sistem-sistem yang amat aneh itu mungkin disyarikati sama oleh binatang-binatang yang lain dalam salah satu bentuknya. Namun yang khusus dimiliki manusia ialah ciri-ciri 'aqliyah dan rohaniyahnya yang unik yang menjadi tempat manusia melahirkan pernyataan terhutang budi khususnya di dalam surah ini:

"Yang telah menciptakanmu, menyempurnakan kejadianmu dan mengimbangkan (segala bahagian) dirimu."(7)

Selepas diseru: "Wahai insan!".

Daya 'Aqliyah Yang Unik

Kita tidak dapat memahami hakikat kefahaman 'aqal kerana 'aqal merupakan alat kita untuk memahami apa yang difahamkan oleh kita, sedangkan 'aqal itu tidak memahami dirinya sendiri dan tidak dapat memahami bagaimana ia memahami.

Katakanlah segala apa yang ditanggapkan itu sampai ke otak melalui alat-alat saraf yang seni itu, tetapi di manakah hendak disimpankan semua hasil tanggapan itu? Andainya otak itu sebagai di pita rakaman nescaya manusia memerlukan selama umur

---

[4] *Dari buku* الله والعلم الحديث.

[5] *Dari buku* العلم يدعو إلى الإيمان .

hidupnya, yang purata enam puluh tahun, kepada ribuan juta meter pita rakaman untuk merakamkan sekian banyak gambaran-gambaran, kata-kata, makna-makna, perasaan-perasaan dan kesan-kesannya untuk diingatkan kembali selepas itu, dan memang manusia dapat mengingatkannya kembali setelah dilalui masa puluhan tahun.

Kemudian bagaimana pula otak itu menyusun di antara kata-kata yang tunggal, makna-makna yang tunggal, peristiwa-peristiwa yang tunggal dan gambaran-gambaran yang tunggal itu untuk menjadikannya satu budaya yang terkumpul dan untuk meningkatkannya dari maklumat-maklumat kepada ilmu, dari tanggapan-tanggapan kepada kefahaman dan dari pengalaman-pengalaman kepada pengetahuan.

Daya Rohaniyah Yang Menjadi Teras Hakikat Manusia

Inilah salah satu dari ciri-ciri manusia yang membezakannya dari makhluk yang lain. Namun demikian, ciri ini bukanlah merupakan sebesar-besar cirinya, dan bukanlah pula setinggi-tinggi cirinya yang membezakannya dari makhluk yang lain. Yang lebih dari ciri ini ialah rohnya yang dikurniakan Allah, iaitu roh manusia yang khusus untuknya, yang menghubungkannya dengan keindahan alam dan dengan keindahan Pencipta alam. Itulah roh yang memberikan kepada manusia detik-detik yang gemilang yang menghubungkannya dengan Zat yang mutlak yang tidak terbatas setelah berhubung dengan pancaran-pancaran keindahan di alam ini.

Itulah roh yang tidak diketahui hakikatnya oleh manusia. Itulah roh yang memberi ni'mat kesukaan dan kebahagiaan yang tinggi kepada manusia, walaupun ia berada di bumi, dan menghubungkannya dengan alam al-Malaul-A'la dan menyediakannya untuk hidup di dalam Syurga yang kekal abadi dan untuk memandang keindahan Ilahi di alam yang penuh bahagia itu.

Roh itu merupakan satu pengurniaan Allah Yang Maha Besar kepada manusia, dan dengan roh itulah ia menjadi manusia. Roh inilah yang diseru Allah dengan namanya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡإِنسَٰنُ

"Wahai insan!"(6)

Dan mengecamnya dengan kecaman yang memalukannya:

مَا غَرَّكَ بِرَبِّكَ ٱلۡكَرِيمِ ٦

"Apakah yang menyebabkan engkau terkeliru terhadap Tuhanmu Yang Maha Pemurah?"(6)

Kecaman Yang Tajam Dari Allah

Inilah kecaman-kecaman secara langsung dari Allah. Dia memanggil manusia, lalu ia berdiri di depan-Nya sebagai seorang yang cuai, berdosa, terpedaya, tidak menghargai kebesaran Allah dan tidak beradab sopan terhadap-Nya. Kemudian Allah mengingatkan ni'mat-Nya yang agung, kemudian mengingatkan kecuaian manusia, kebiadabannya dan kekeliruan dan keterpedayaannya.

Ia merupakan sebuah kecaman yang menghancur-luluhkan apabila seseorang itu memikirkan hakikat asal usulnya dan hakikat kedudukannya ketika berdiri di depan Tuhannya yang memanggil namanya dan mengecamkan perbuatannya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡإِنسَٰنُ مَا غَرَّكَ بِرَبِّكَ ٱلۡكَرِيمِ ٦ ٱلَّذِي خَلَقَكَ فَسَوَّىٰكَ فَعَدَلَكَ ٧ فِيٓ أَيِّ صُورَةٖ مَّا شَآءَ رَكَّبَكَ ٨

"Wahai insan! Apakah yang menyebabkan engkau terpedaya (mencuaikan kewajipan) terhadap Tuhanmu Yang Maha Pemurah?(6). Yang telah menciptakanmu, menyempurnakan kejadianmu dan mengimbangkan (segala bahagian) dirimu(7). Sedangkan Dia berkuasa membentuk rupamu dengan apa sahaja bentuk yang dikehendaki-Nya."(8)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 12)

Kemudian Al-Qur'an mendedahkan punca kekeliruan dan kecuaian manusia iaitu mereka tidak mempercayai Hari Hisab dan serentak itu ia menerangkan hakikat Hisab dan kelainan balasan dengan tegas dan keras:

"Tidak sekali-kali begitu, malah kamu mendustakan hari balasan."(9)

Kata-kata كلا (tidak sekali-kali begitu) digunakan untuk menolak dan membantah sikap dan perbuatan. Kata-kata بل (malah) digunakan untuk berpindah dari persoalan yang lepas kepada persoalan yang baru iaitu pernyataan dan penegasan baru yang berlainan dari kecaman, peringatan dan gambaran.

كَلَّا بَلۡ تُكَذِّبُونَ بِٱلدِّينِ ٩

"Tidak sekali-kali begitu, malah kamu mendustakan hari balasan."(9)

Puncak Kekeliruan Dan Kecuaian Manusia

Kamu tidak percaya kepada Hisab dan Balasan. Inilah punca kekeliruan dan kecuaian kamu terhadap Allah. Apabila hati mendustakan Hisab dan Balasan, maka ia tidak akan berdiri tegak di atas hidayat, kebaikan dan keta'atan. Kadang-kadang hati itu meningkat ke darjat yang amat tinggi dan luhur, lalu ia ta'atkan Tuhannya dan beribadat kepada-Nya semata-mata kerana cintakan-Nya bukan kerana gentar kepada balasan seksa-Nya dan bukan pula

kerana tamakkan pahala dari-Nya, tetapi ia tetap percaya kepada Hari Balasan dan menaruh perasaan takut kepadanya. Ia menunggu-nunggu kedatangan hari itu untuk menemui Tuhannya yang amat dicintainya. Tetapi apabila manusia tidak mempercayai Hari Balasan, maka ia tidak akan beradab sopan dan ta'at kepada Tuhannya dan tidak lagi mendapat nur hidayat. Hatinya tidak akan hidup dan dhamirnya tidak akan sedar.

Kamu mendustakan Hari Balasan, sedangkan kamu dalam perjalanan menuju kepadanya. Segala amalan yang telah dilakukan kamu akan dihisab. Tiada amalan yang akan terlepas dan tiada amalan yang akan dilupakan:

"Dan sesungguhnya kamu diawasi para malaikat (segala tindak-tanduk kamu)(10). Yang mulia yang bertugas sebagai penulis-penulis (amalan kamu)(11). Mereka mengetahui segala apa yang kamu lakukan."(12)

Manusia Ditemani Malaikat-malaikat Yang Mengawas Pergerakan Dan Merakamkan Segala Kegiatannya

Malaikat-malaikat pengawas ialah malaikat-malaikat yang ditugaskan untuk menemani, memerhati dan mengawasi manusia dan mencatatkan segala perbuatan yang terbit dari mereka. Kita tidak mengetahui bagaimana cara pengawasan dan pencatatan itu dilakukan, dan kita tidak dituntut untuk mengetahui caranya, kerana Allah tahu bahawa kita tidak dikurniakan kebolehan untuk memahaminya. Tidak ada gunanya kita memahaminya kerana perkara ini tidak termasuk di dalam tugas kita dan di dalam matlamat kewujudan kita. Tidak perlu kita mengharungi dalam perkara ghaib lebih jauh dari kadar yang telah diterangkan Allah kepada kita, cukuplah hati manusia itu sedar bahawa dia tidak akan dibiarkan percuma dan dia sentiasa di bawah perhatian para malaikat pengawas dan penulis amalan mereka, yang mengetahui setiap perbuatan yang dilakukan mereka, kerana dengan kesedaran ini sudah cukup untuk membuat mereka menggelentar, berwaspada dan beradab sopan terhadap Tuhannya. Itulah tujuan yang pokok.

Oleh kerana suasana surah ini suasana mulia dan luhur, maka Allah menyebutkan sifat para malaikat pengawas itu sebagai penulis-penulis yang mulia untuk mencetuskan perasaan segan, malu dan beradab sopan di dalam hati manusia terhadap para malaikat yang mulia itu, kerana biasanya seseorang itu akan merasa malu dan segan apabila ia berdepan dengan orang-orang yang mulia untuk melakukan sesuatu yang kurang manis sama ada pada tutur kata, gerak-geri dan tindak-tanduk, maka sudah tentu ia akan bertambah malu dan segan apabila mengenangkan dirinya berada di setiap masa dan keadaan di hadapan malaikat-malaikat yang mengawasi mereka. Tidak sepatutnya para malaikat-malaikat itu mengetahui hal dirinya melainkan sifat-sifat dan perbuatan yang baik sahaja.

Al-Qur'an mahu mencetuskan dalam hati manusia perasaan-perasaan yang luhur dengan menanamkan hakikat ini dalam hati mereka melalui satu gambaran yang benar-benar berlaku, hidup dan dekat dengan kefahaman biasa.

(Pentafsiran ayat-ayat 13 - 16)

Kemudian ia menjelaskan kesudahan orang-orang yang ta'at dan kesudahan orang-orang yang derhaka setelah diadakan hisab yang didasarkan di atas catatan dan laporan yang ditulis para malaikat selaku penulis-penulis yang mulia itu:

"Sesungguhnya orang-orang yang ta'at itu ditempatkan dalam Syurga yang penuh ni'mat(13). Dan sesungguhnya orang-orang yang menderhaka itu ditempatkan di dalam Neraka yang bernyala-nyala."(14)

Balasan Orang-orang Yang Ta'at Berakhir Ke Dalam Syurga Manakala Orang Yang Derhaka Ke Dalam Neraka

Ia merupakan satu kesudahan yang tetap dan satu akibat yang pasti bahawa orang-orang yang ta'at itu akan berakhir ke dalam Syurga dan orang-orang yang derhaka akan berakhir ke dalam Neraka. Orang yang ta'at ialah orang-orang yang melakukan amalan-amalan yang baik hingga menjadi suatu kebiasaannya atau menjadi suatu sifat yang tidak tanggal darinya. Amalan-amalan yang baik ialah amalan-amalan kebajikan umumnya iaitu satu sifat yang selaras dengan sifat kemuliaan dan insaniyah manusia. Sementara dalam kelompok orang-orang yang menderhaka yang bertentangan dengan kelompok ini terdapat sifat-sifat biadab, sifat tidak malu melakukan dosa dan maksiat dan hanya Neraka sahaja yang layak dengan orang-orang yang mempunyai sifat-sifat yang derhaka ini. Kemudian Al-Qur'an menerangkan lebih jelas kelompok yang menderhaka ini di dalam Neraka itu:

يَصْلَوْنَهَا يَوْمَ الدِّينِ ﴿١٥﴾

"Mereka akan memasukinya pada Hari Balasan."(15)

Dan penjelasan itu semakin bertambah tegas dan kuat:

وَمَا هُمْ عَنْهَا بِغَائِبِينَ ﴿١٦﴾

"Dan mereka tidak akan dapat keluar darinya."(16)

Yakni mereka tidak akan dapat melarikan diri dari awal lagi dan tidak pula akan dapat melepaskan diri sesudah dihumbankan ke dalam Neraka walaupun untuk sejenak waktu. Dengan ungkapan-ungkapan ini sempurnalah perbandingan-perbandingan di antara kelompok yang ta'at dengan kelompok yang

menderhaka, dan di antara Syurga dan Neraka dengan sedikit penjelasan tambahan mengenai penghuni-penghuni Neraka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 19)

Kelemahan Manusia Pada Hari Balasan

Oleh kerana persoalan Hari Balasan itu merupakan perkara pokok yang didustakan manusia, maka ayat yang berikut kembali lagi menjelaskan hakikat hari ini dengan lebih hebat. Pada hari itu, setiap orang benar-benar akan menjadi lemah dan tidak berdaya dan benar-benar sendirian tanpa pertolongan. Hanya Allah yang berkuasa penuh pada hari itu:

وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا يَوۡمُ ٱلدِّينِ ١٧

ثُمَّ مَآ أَدۡرَىٰكَ مَا يَوۡمُ ٱلدِّينِ ١٨

"Tahukah engkau apakah Hari Balasan itu?(17). Kemudian (sekali lagi) tahukah engkau apakah hari balasan itu?(18).

وَمَآ أَدۡرَىٰكَ

"Tahukah engkau?"(17)

Pertanyaan yang membayangkan kejahilan mereka yang ditanyakan itu memang lumrah dalam ungkapan-ungkapan Al-Qur'an. Ia menimbulkan dalam hati bahawa sesuatu yang ditanya itu adalah terlalu hebat dan dahsyat untuk difahami oleh pemikiran manusia yang terbatas itu, ia merupakan satu perkara yang di luar fikiran dan dugaan manusia.

Pertanyaan itu diulang lagi untuk menambahkan kehebatan dan selepas itu barulah dijelaskan dengan penjelasan yang selaras dengan gambaran ini:

يَوۡمَ لَا تَمۡلِكُ نَفۡسٞ لِّنَفۡسٖ شَيۡـٔٗاۖ

"Pada hari itu, tiada seorang pun yang berkuasa memberi sesuatu pertolongan kepada orang lain."(19)

Manusia pada hari itu diselubungi keadaan terlalu lemah, keadaan terlalu lumpuh dan tersorok dan keadaan terlalu terpisah dari orang lain yang masing-masing sibuk dengan penanggungan dan duka nestapa diri sendiri hingga tidak berdaya menghubungi orang-orang yang dikenalinya:

وَٱلۡأَمۡرُ يَوۡمَئِذٖ لِّلَّهِ ١٩

"Segala urusan pada hari itu terserah kepada Allah."(19)

Allah sahaja yang berkuasa pada hari itu. Dan memanglah Allah sahaja yang berkuasa di dunia dan di Akhirat, tetapi hanya pada Hari Qiamat hakikat kuasa Ilahi yang tunggal itu tertonjol dengan sejelas-jelasnya, hingga disedari oleh semua orang yang terkeliru dan tertipu di dunia selama ini. Kini hakikat ini tidak tersembunyi lagi kepada orang yang terpedaya dan tertipu.

* * * * * *

Suasana sunyi sepi yang dahsyat pada akhir surah ini selaras dengan suasana gegak-gempita hari Qiamat yang dahsyat di permulaannya. Ia membuat hati kita terkepung di antara dua suasana yang dahsyat itu. Kedua-duanya mengeri dan menggentarkan dan di antara keduanya terdapat kecaman Allah yang amat tajam, amat memalu dan menghancurleburkan.

* * * * * *